

# Matrix Concepts dapat pembiayaan RM512 juta

Pinjaman daripada AmBank untuk projek harta tanah di Malaysia Vision Valley 2.0

Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@bh.com.my

Kumpulan AmBank memberikan kemudahan pembiayaan bernilai RM512 juta kepada Matrix Concepts Holdings Bhd bagi pembangunan projek harta tanah mampan di Malaysia Vision Valley 2.0.

Pembiayaan itu adalah bagi membolehkan Matrix Concepts melaksanakan projek pembangunan di kawasan berkeluasan 1,382.2 ekar (559.3 hektar) di Malaysia Vision Valley 2.0 yang terletak antara Selangor dan Negeri Sembilan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AmBank, Datuk Sulaiman Mohd Tahir, berkata pihaknya teruja menjadi bank utama pembiayaan projek Matrix Concept dan kerjasama strategik itu turut menandakan kejayaan penting bagi kumpulan dalam perjalanan projek.

Selain itu, katanya dengan tumpuan global yang semakin meningkat terhadap amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), adalah penting bagi organisasi untuk memulakan projek yang mampan seperti pembangunan rumah mampu milik, yang



Sulaiman (tiga dari kiri) dan Mohamad Haslah (tiga dari kanan) menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian pembiayaan projek pembangunan harta tanah Matrix Concepts antara Yap (dua dari kiri) dan Tian Hock (dua dari kanan), semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

meningkatkan status sosioekonomi negara.

"Kami sedar akan tanggungjawab sebagai warga korporat dalam menyumbang ke arah pertumbuhan holistik dan pembangunan mampan.

"AmBank mengiktiraf keperluan untuk pilihan pembiayaan yang boleh diakses untuk memperkasakan perniagaan dalam usaha mereka ke arah pembangunan mampan.

"Pembangunan yang meluas ini bukan sahaja pelaburan dalam harta tanah tetapi pelaburan dalam masa depan yang lebih mampan dan inklusif," katanya selepas majlis menandatangani perjanjian pembiayaan di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Pengurusi Matrix Concepts, Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin;

Pengarah Urusan Perbankan Perniagaan Kumpulan AmBank, Christopher Yap serta Pengasas dan Timbalan Pengurusi Matrix Concepts, Datuk Seri Lee Tian Hock.

## Perbandaran bertenaga

Sementara itu, Mohamad Haslah berkata, dengan penyempurnaan kemudahan pembiayaan daripada AmBank, Matrix Concepts kini berada dalam kedudukan yang baik untuk menumpukan perhatian sepenuhnya ke arah mewujudkan perbandaran yang bertenaga, selamat dan dipacu masyarakat.

Beliau berkata, di samping itu ia dapat memenuhi aspirasi Matrix Concepts sebagai pembekal rumah berkualiti pada harga yang menarik.

"Usaha ini akan menjadi pe-

mungkin pertumbuhan penting untuk Matrix Concepts, mengukuhkan kedudukan kami sebagai pemaju perbandaran terkemuka di samping memperkisasakan dalam memajukan landskap sosioekonomi komuniti yang didedikasikan.

"Kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kumpulan AmBank atas sokongan tidak berbelah bahagi dan komitmen bersama mereka terhadap misi berterusan kami untuk meningkatkan amalan ESG yang telah menjadi komponen utama strategi kumpulan," katanya.

Tian Hock, pula berkata kiranya 80 peratus pembiayaan daripada AmBank itu akan digunakan bagi pembelian tanah, manakala baki akan digunakan bagi tujuan pembangunan dan simpanan.